

PERATURAN-PERATURAN PERIKANAN (KAWASAN LARANGAN) (RANTAU ABANG) 1991*

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 61 Akta Perikanan 1985, Menteri membuat peraturan-peraturan berikut:

1. Nama.

Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perikanan (Kawasan Larangan) (Rantau Abang) 1991.**

2. Kawasan larangan perikanan.

Kawasan yang dinyatakan dalam Jadual adalah "kawasan larangan perikanan" dan tiada seseorang pun boleh membunuh atau menangkap apa-apa ikan dalam kawasan larangan perikanan kecuali menangkap ikan dengan menggunakan pukut jerut bilis, pancing, pukut tangguk dan candat sotong.

JADUAL
(Peraturan 2)

KAWASAN LARANGAN PERIKANAN RANTAU ABANG

<i>Negeri</i>	<i>Penanda di Darat Sempadan Utara</i>	<i>Sempadan di Darat</i>	<i>Sempadan di Laut</i>
Rantau Abang, Terengganu	Kuala Merchang	Lat : 05° 2.2'U Long : 103° 18'T	Lat : 05° 7.1'U Long : 103° 26.6'T
	Kg. Kuala Abang (Tanjong Jara)	Lat : 04° 48.90'U Long : 103° 25.50'T	Lat : 04° 53.9'U Long : 103° 34.0'T

Diperbuat pada 19hb Julai 1991.

* Diterbitkan sebagai PU(A) 227/91.